

PANDUAN PENGGUNAAN CAPAIAN EDUROAM (Education Roaming) PTSB

Apa itu EDUROAM?


Eduroam atau lebih dikenali sebagai 'education roaming' ialah perkhidmatan akses perantauan yang selamat digunakan di seluruh dunia untuk komuniti penyelidikan dan pembelajaran antarabangsa. Eduroam membenarkan pelajar, penyelidik dan staf daripada institusi-institusi yang terlibat untuk menerima kemudahan Internet apabila melawat institusi- institusi terlibat hanya dengan log masuk menggunakan id institusi mereka sendiri. Konsep eduroam adalah pengesahan pengguna dilakukan oleh institusi asal pengguna manakala kebenaran capaian ke rangkaian/internet dilakukan oleh institusi yang dilawati. Eduroam adalah salah satu projek MyREN (Malaysia Research and Education Network) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan diperluaskan penggunaannya kepada komuniti Politeknik Malaysia.

Perkhidmatan ini boleh digunakan di mana-mana institusi pengajian tinggi yang berdaftar di seluruh dunia. Untuk rujukan senarai institusi yang terlibat dan perkhidmatan Eduroam, boleh layari capaian di bawah:


- Dalam Negara - <https://mon.eduroam.my/participants>
- Luar Negara - Keseluruhan (https://monitor.eduroam.org/map_service_loc.php)

TATACARA PENGGUNAAN WIRELESS EDUROAM DI PTSB

1. Pada bahagian Internet Access (Wi-Fi), cari dan klik pada nama SSID (Service Set Identifier) - **Eduroam** seperti contoh di bawah:




2. Klik pada butang "Connect".




- Pengguna PTSB hanya perlu menggunakan akaun pengguna yang telah didaftarkan pada Active Directory (AD) - domain PTSB. Penggunaan ID & Kata Laluan akaun domain ini boleh digunakan untuk semua perkhidmatan Eduroam di seluruh dunia.

ID Pengguna (Username)	Kata Laluan (Password)
<p>username@domain</p> <p>Contoh: nurmaniza@ptsb.edu.my (ID yang sama untuk login komputer di pejabat dan ditambah dengan domain iaitu @ptsb.edu.my)</p>	<p>Kata laluan sama yang digunakan untuk log masuk komputer di pejabat.</p>




Masukkan ID Pengguna & Kata Laluan kemudian klik pada butang "OK".

- Seandainya akses berjaya, status "Connected, secured" akan dipaparkan seperti di bawah:





- Pengguna boleh tandakan (tick) pada pilihan "Connect automatically" untuk menggunakan capaian Wi-Fi secara automatik pada masa akan datang. Klik pada butang "Connect" untuk menamatkan tetapan.



Tetapan Wireless Eduroam peranti Android

Perkhidmatan Wireless Eduroam menyokong protokol PEAP, TTLS dan MSCHAPv2. Pengguna boleh menetapkan peralatan anda secara manual untuk menggunakan protokol tersebut.

1. Pada bahagian "Setting" peranti Android, klik pada "Wi-Fi Setting". Sekiranya perlu, tukar akses internet kepada tetapan "Wi-Fi".
2. Klik "Refresh" untuk melihat senarai SSID yang sedang aktif di lokasi pengguna. cari dan klik pada nama **SSID** (Service Set Identifier) – **Eduroam**.
3. Lakukan tetapan berikut:
 - Masukkan Password/Kata Laluan Login Komputer (Login Domain Komputer di pejabat)
 - EAP method: PEAP
 - Phase 2 authentication: MSCHAPv2
 - CA certificate: (Unspecified)
 - Masukkan 'Identity' : id pengguna (ID Login Domain / Login Computer) dan tambahkan "@ptsb.edu.my"
 - Anonymous Identity: ruang ini dibiarkan kosong



4. Klik butang "Connect". Dalam tempoh kira-kira 15 saat, pengguna akan dihubungkan dengan perkhidmatan wireless Eduroam.

